

UPM, KBS jalin kerjasama tingkat pengurusan sukan

AKADEMI Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalin kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk mengenal pasti pendekatan baru dan berkesan bagi memantapkan pengurusan sukan negara.

Pengarahnya, Prof Dr Shamsher Mohamad, berkata langkah itu adalah sebahagian daripada usaha UPM dan KBS memajukan sukan negara ke tahap yang lebih cemerlang.

"Selain menjalankan penyelidikan mengenai pengurusan sukan, pihak Akademi juga membantu KBS dari segi teknikal dalam Majlis Kecergasan Kebangsaan bagi merangka program yang bersesuaian dalam usaha mewujudkan budaya kecergasan di kalangan masyarakat.

"Akademi juga mempunyai fungsi lebih besar sebagai kumpulan pemikir dan pusat rujukan sukan prestasi tinggi dan bersedia berkongsi kepakaran itu melalui kerjasama dengan agensi sukan tempatan dan antarabangsa," katanya kepada *Berita Harian* di Kompleks Sukan UPM, Serdang, baru-baru ini.

Selain itu, Akademi sedang membangunkan satu protokol untuk mengenalpasti bakat secara lebih spesifik, bermula dengan sukan badminton. Antaranya adalah pengujian 'Kemahiran Persepsi Visual' bagi me-

nganalisis keupayaan dan kecekapan bakat baru pemain badminton yang dilakukan dengan bantuan pakar dari Institut Multimedia Perisian UPM.

Menerusi usaha ini, dijangka lebih ramai barisan pelapis badminton negara bertaraf antarabangsa dapat dilahirkan di masa akan datang.

Katanya, Akademi juga menawarkan kepakaran untuk bekerjasama dengan Agensi Angkasa Negara bagi memberi latihan dan pengujian keupayaan calon angkasawan tempatan bagi memastikan mereka benar-benar mantap dari segi mental dan fizikal sebelum menjalani latihan di Rusia.

Dr Shamsher berkata, Akademi ini mempunyai tiga laborator yang menjalankan penyelidikan iaitu Laboratori Pembangunan Industri Sukan yang diketuai Prof Madya Dr Aminuddin Yusof; Laboratori Instrumentasi dan Analisis Kemahiran yang diketuai Dr Tengku Fadilah Tengku Kamalden, dan Laboratori Prestasi Fizikal yang diketuai Ahmad Naim Ismail.

"Ini menjadikan UPM satu-satunya institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mempunyai pusat kecemerlangan sukan yang menumpukan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Dari sudut akademik pula,

Akademi bekerja rapat dengan Jabatan Pengajian Sukan, Fakulti Pengajian Pendidikan untuk menjalankan penyelidikan pada peringkat pasca siswazah," katanya.

Katanya, seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan bidang sukan itu sebagai kerjaya, Akademi ini berfungsi melahirkan jaguh sukan bertaraf antarabangsa dan pada masa sama berjaya dalam akademik.

Sehubungan itu, UPM mengambil langkah awal dengan bekerjasama dengan Majlis Sukan Negara (MSN) mengambil pelajar cemerlang peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dari Sekolah Sukan Bukit Jalil untuk ditawarkan ke Matrikulasi Khas (Sukan).

"Pelajar berkenaan ditempatkan di sebuah kolej kediaman dan mereka dibenarkan mewakili negara sambil mengikuti pembelajaran secara anjal.

"Melalui kaedah ini, UPM mampu melahirkan graduan berkualiti dari kalangan atlit sukan negara," katanya.

Mengenai usaha mengene-gahkan Akademi Sukan ke peringkat antarabangsa, pihaknya sedang berbincang dengan University of Mississippi, Amerika Syarikat untuk mewujudkan program pensijilan golf ala PGA.